



22 APR, 2021

Sikap pengaruhi keselamatan penunggang motosikal

Berita Harian, Malaysia

Sikap pengaruhi keselamatan penunggang motosikal



Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti dan Ekonomi Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Oleh Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
bhrencana@bh.com.my

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan lebih 1.2 juta kematian setiap tahun di seluruh dunia, dengan antara 20 hingga 50 juta mengalami kecederaan disebabkan kemalangan jalan raya.

Di Malaysia, penunggang motosikal kelompok kedua terbesar pengguna jalan raya. Statistik juga melaporkan angka kecederaan dan kematian tertinggi membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Persoalannya, kenapa bilangan pengguna motosikal tinggi? Motosikal adalah kenderaan mampu milik. Di kampung, motosikal kenderaan pertama digunakan keluarga berkemampuan rendah atau sederhana untuk ke sekolah atau ke tempat kerja.

Hari ini, masih dilihat di luar bandar, desa dan kampung kanak-kanak belum memiliki lesen memandu sudah pun mengendali motosikal. Budaya ini sebatu dengan rakyat kita.

Ini berlanjutan ke peringkat pengajian tinggi, di mana rata-rata pelajar menggunakan motosikal ke universiti. Apabila bekerja, kenderaan pertama mampu dibeli juga adalah motosikal.

Dengan kehadiran COVID-19, pengangguran dan kesesakan ekonomi lebih parah. Penunggang motosikal meningkat kerana kos penyelenggaraannya lebih rendah.

Trend ini berlaku bukan hanya di Malaysia, malah di United Kingdom (UK). Untuk yang bekerja jarak jauh juga, motosikal jadi pilihan kerana kos minyak rendah dan tiada keperluan untuk membayar tol.

Kita juga melihat pertambahan penunggang penghantar makanan. Untuk golongan berpendapatan tinggi pula, motosikal berkuasa besar menjadi satu hobi digemari.

Kebanyakan mereka golongan profesional dan hobi menunggang menjadi teknik beriadah serta bersosial.

Namun, kelompok terbesar penunggang adalah bagi kategori 250cc ke bawah dan ini termasuklah penunggang 'kapcai'.

Ada yang menggunakan motosikal dimodifikasi (untuk kelajuan) di jalan raya dan ia berbahaya kepada pengguna lain.

Sikap berlumba semasa di jalanan juga membahayakan diri dan pengguna lain serta memberi imej buruk penunggang motosikal kepada rakyat jelata.

Hakikatnya, tidak semuanya kaki rempit kerana ramai lagi menunggang motosikal untuk keperluan lain, termasuk mencari rezeki.

Realitinya, sikap memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gaya menunggang motosikal sama selamat atau sebaliknya.

Dalam pada itu, keadaan lorong motosikal juga banyak menerima kritikan. Selain terlalu sempit dan tidak sesuai untuk motosikal besar, laluan kerap banjir dan hanya selamat digunakan pada kelajuan sehingga 70 kilometer sejam (km/j) menggunakan kapcai.

Menunggang terlalu perlahan di lorong sempit ini juga menyukarkan pengguna lain kerana mengundang risiko apabila terpaksa memotong.

Risiko lain termasuk laluan tidak diselenggara dengan baik, kemungkinan disamun serta keadaan laluan berluk dan sangat gelap.

Tanda keselamatan juga tidak dipasang dengan baik, menyebabkan kekeliruan pengguna. Dalam waktu sesak iaitu awal pagi dan balik kerja, laluan ini sangat sesak dan membahayakan pengguna.

Untuk meningkatkan kemahiran dan kesedaran (setara antarabangsa) kepada penunggang motosikal, kursus *defensive riding* patut dilaksanakan pengusaha kelas memandu dan dijadikan kursus asas seperti dijalankan di UK.

Mungkin juga pendidikan keselamatan jalan raya boleh diterapkan dalam silibus sekolah menengah kerana di sinilah kerapnya pelajar menggunakan motosikal untuk ke sekolah.



22 APR, 2021

Sikap pengaruhi keselamatan penunggang motosikal

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Oleh Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh bhrencana@bh.com.my Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan lebih 1.2 juta kematian setiap tahun di seluruh dunia, dengan antara 20 hingga 50 juta mengalami kecederaan disebabkan kemalangan jalan raya. Di Malaysia, penunggang motosikal kelompok kedua terbesar pengguna jalan

Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti dan Ekonomi Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) raya. Statistik juga melaporkan angka kecederaan dan kematian tertinggi membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.